



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 17 TAHUN 2001

**PERATURAN DAN SYARAT SKIM PINJAMAN KERETA
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

TUJUAN

Surat Pekeliling ini menggariskan peraturan dan syarat Skim Pinjaman Kereta kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Kementerian Pendidikan. Dalam hubungan ini, Bumiputra-Commerce Bank Berhad (BCB) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) dilantik untuk membiayai keperluan kewangan Skim tersebut.

KUASA MELULUSKAN PERMOHONAN

2. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan diberi kuasa untuk meluluskan pinjaman kepada pegawai yang memenuhi syarat mengikut peraturan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, beliau boleh mewakili kuasa itu secara bertulis kepada pegawai kanan yang lain yang dilantik.

PEGAWAI YANG LAYAK

3. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang layak memohon pinjaman kereta adalah Pegawai yang berjawatan tetap dan sesungguhnya memerlukan kereta untuk menjalankan tugas rasmi. Mereka yang bergaji pokok tidak kurang daripada RM1,320 dan memegang jawatan penting seperti Pengetua, Guru Besar, Penolong Kanan, Penyelia Petang, Guru Hal Ehwal Murid dan Ko-Kurikulum dan Warden Asrama layak memohon.

4. Pinjaman kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang masih dalam tempoh percubaan hendaklah dijamin oleh dua orang pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Pegawai Kumpulan Sokongan yang telah disahkan dalam jawatannya.

JUMLAH KELAYAKAN PINJAMAN

5. Jumlah maksimum pinjaman yang boleh diberi oleh bank yang diluluskan oleh Kerajaan kepada seseorang pegawai yang layak adalah seperti berikut:

	Had Pinjaman
(a) Jawatan Utama dan Gred Khas	RM60,000
(b) Pegawai Gred DG1, DG2 dan DG3	RM55,000
(c) Pegawai Gred DG8 Hingga DG4	RM45,000

SKIM BAYARAN KE ATAS PINJAMAN

6. Skim bayaran ke atas pinjaman kereta ini adalah seperti berikut:-

- i. bayaran akan dibuat melalui potongan gaji dan terus dibayar kepada bank berkenaan.
- ii. bayaran perkhidmatan 4% setahun yang dikira atas baki bulan yang belum diselesaikan dikenakan kepada peminjam.
- iii. bayaran perkhidmatan atas kadar yang ditetapkan oleh bank akan dikenakan keatas ansuran yang tertunggak sehingga diselesaikan.
- iv. Kerajaan akan membiayai perbezaan di atas kadar yang dikenakan oleh bank kepada Kerajaan dengan kadar yang dikenakan kepada peminjam.
- v. bagi pegawai yang cuti tanpa gaji atau cuti separuh gaji, Kementerian Pendidikan akan menjelaskan baki pinjaman kereta pegawai tersebut kepada pihak bank dengan menggunakan tabung pusingan pinjaman kereta. Pegawai yang bercuti tanpa gaji, cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji untuk melanjutkan pelajaran dikehendaki membayar balik ansuran bulanan melalui potongan gaji apabila kembali berkhidmat.
- vi. pinjaman hendaklah diselesaikan sepenuhnya sebelum peminjam bersara, meletak jawatan atau meninggalkan perkhidmatan. Tempoh bayaran pinjaman hendaklah tidak melebihi dari baki tempoh perkhidmatan pegawai dengan Kerajaan.
- vii. bagi pegawai yang meninggal dunia di mana Kementerian Pendidikan telah menjelaskan hutang baki pinjaman dengan bank, Kementerian Pendidikan berhak menuntut dari waris simati amaun pinjaman yang telah dijelaskan oleh Kementerian Pendidikan.
- viii. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan adalah diberi kuasa untuk membuat potongan sekaligus semua ansuran tertunggak atau baki pinjaman yang belum diselesaikan termasuk bayaran perkhidmatan yang ditetapkan oleh bank daripada gaji bulanan peminjam.

7. Syarat di atas dan syarat lain akan dimuktamadkan di dalam perjanjian di antara peminjam dan Kementerian Pendidikan.

LAIN-LAIN SYARAT PINJAMAN

8. Lain-lain syarat yang berkaitan adalah sama seperti didalam:


- (a) Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1993;
- (b) Pekeliling Perbendaharaan Bil.8 Tahun 1993;
- (c) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.7 Tahun 1996;
- (d) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.9 Tahun 2000; dan
- (e) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2001.

9. Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuatkuasa dari tarikh semasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(Tan Sri Dr. Samsudin bin Hitam)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

27 November 2001

Edaran:

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan

Ketua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Semua Pengarah Pendidikan Daerah

Pengurus Besar
Bumiputera Commerce Bank Berhad (BCB)

Pengurus Besar
Bank Simpanan Nasional (BSN)